

27 FEB 1996  
Mahathir-PBB

WAKIL TETAP BAGI ASEAN BOLEH MENGIMBANGKAN SIKAP MAJLIS KESELAMATAN

KUALA LUMPUR, 27 Feb (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, wakil tetap bagi Asean dalam Majlis Keselamatan PBB boleh mengimbangi sikapnya.

Perdana Menteri berkata, adalah baik jika Asean boleh menganggotai Majlis Keselamatan secara tetap.

Bercakap kepada pemberita di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur selepas pulang daripada lawatan kerja tiga hari ke Jepun, beliau berkata negara-negara anggota Asean boleh menggilirkan jawatan wakil tetap itu di kalangan mereka.

Beliau diminta mengulas kenyataan yang Peranchis menerima secara terbuka idea wakil tetap Asean di Majlis Keselamatan. Duta Peranchis ke Thailand Gerard Coste dipetik sebagai berkata perkara itu merupakan antara isu yang akan dibangkitkan di persidangan kemuncak Asia-Eropah (ASEM) yang akan berlangsung di Bangkok pada 1 dan 2 Mac.

Perdana Menteri juga berkata Malaysia akan membantu Bosnia dalam apa juga cara dalam bidang kerjasama ketenteraan ataupun dalam membina semula negara itu.

Mengenai lawatan beliau ke Jepun, Dr Mahathir berkata terdapat banyak peluang kerjasama dan usahasama antara Malaysia dan syarikat-syarikat teknologi tinggi di Jepun.

Ini termasuk industri-industri kecil hinggalah syarikat multi nasional besar seperti Sony.

Dr Mahathir berkata antara perkara yang ditinjau ialah industri komponen di Jepun dan beliau juga melawat syarikat multi nasional Sony untuk mencari ciptaan terbaru yang boleh digunakan dalam mewujudkan koridor multimedia di Malaysia.

Beliau juga mengunjungi Perdana Menteri Jepun Ryutaro Hashimoto semasa lawatan itu. -- BERNAMA

AFY PR